

# SIARAN MEDIA

---

## KERAJAAN KE HADAPAN MEMPERTEGUHKAN USAHA KONSERVASI SPESIES HIDUPAN LIAR IKONIK NEGARA

---

Mesyuarat *National Tiger Implementation Working Group* - MyTWG telah diadakan semalam dan dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri yang mewakili negeri-negeri rayuan harimau (*tiger range states*) iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu.

MyTWG dipengerusikan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad sebagai usaha untuk mengukuhkan pelaksanaan dan memantau tindakan strategik konservasi Harimau Malaya. Ia menyokong kepada Pasukan Petugas Kebangsaan bagi Konservasi Harimau Malaya (*National Tiger Conservation Task Force – MyTTF*) yang merupakan platform utama untuk meningkatkan tadbir urus baik dan keberkesanan usaha Kerajaan menyelaras pelaksanaan dan pemantauan tindakan-tindakan strategik bagi konservasi Harimau Malaya serta memperkuatkukuhkan kerjasama pihak-pihak berkepentingan khususnya Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sebanyak dua Kertas Pertimbangan dan satu Kertas Makluman merangkumi inisiatif memperkuatkukuhkan usaha konservasi spesies Harimau Malaya dan habitatnya di Semenanjung Malaysia telah dibentangkan. Mesyuarat telah bersetuju dengan pembangunan Pelan Tindakan Krisis Harimau Malaya (*Malaysian Tiger Crisis Action Plan - MTCAP*) 2021-2030 bagi menangani krisis populasi Harimau Malaya serta menstabilkan populasi Harimau Malaya kepada 400 ekor menjelang tahun 2030.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia akan melaporkan status pelaksanaan tindakan Pelan pada Mesyuarat MyTWG dan MyTTF.

Mesyuarat MyTWG juga mengambil perhatian penglibatan Malaysia menganggotai *International Big Cat Alliance* (IBCA) iaitu inisiatif baharu peringkat antarabangsa yang diterajui oleh Kerajaan India. IBCA mengetuai dan mengkoordinasikan perlindungan dan pemuliharaan spesies *big cat* termasuk harimau, singa, *leopard*, *snow leopard*, *puma*, *jaguar* dan *cheetah* untuk penyebaran maklumat mengenai amalan terbaik; pembangunan kapasiti modal insan; mewujudkan repositori sumber; peluang-peluang penyelidikan dan pembangunan; serta kesedaran awam dan sebagainya untuk perlindungan dan pemuliharaan *big cat*. Mesyuarat MyTWG juga telah membincangkan intipati *Framework Agreement* IBCA.

Pelaksanaan rondaan dan kawalan biodiversiti (*boots on the ground*) melalui pelantikan Renjer Komuniti dan Operasi Bersepadu Khazanah telah digerakkan oleh Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Pihak Berkuasa Negeri dan pertubuhan bukan kerajaan. Sejak tahun 2021 sehingga Julai 2024, OBK telah mencatatkan kejayaan dengan **354 tangkapan warganegara Malaysia dan 73 warganegara asing melibatkan sitaan berjumlah RM150 juta**. Ini termasuk tangkapan empat warga Kemboja di Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah pada 4 Jun 2024.

Seluas 15,000 hektar kawasan perlindungan daratan baharu telah diwartakan di Kedah, Perak, Selangor, Terengganu dan Negeri Sembilan melalui instrumen *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) yang menyumbang kepada pengukuhan pemuliharaan habitat Harimau Malaya di peringkat negeri.

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, insiden kematian Harimau Malaya yang telah dilaporkan sejak akhir-akhir ini akibat konflik dengan manusia amat membimbangkan. Pada tahun 2023 dan 2024 sahaja, sebanyak lima ekor Harimau Malaya telah mati termasuk menjadi mangsa *roadkill* dan 9 ekor harimau telah ditangkap di kawasan-kawasan konflik. Kejadian-kejadian ini menunjukkan bahawa habitat Harimau Malaya terganggu hingga menyebabkan Harimau Malaya terpaksa keluar daripada habitat semula jadinya.

Namun, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam percaya kesepakatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam mengukuhkan pemeliharaan dan pemuliharaan spesies ikonik negara Harimau Malaya seperti yang ditunjukkan pada hari ini akan menjadi pencetus untuk melaksanakan lebih banyak tindakan luar biasa. Ini adalah penting bagi mengukuhkan lagi agenda negara dalam memastikan spesies yang menjadi simbol Jata Negara tidak pupus buat selama-lamanya.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)  
23 OGOS 2024**